

Memahami konsep IoT

BAGAIMANAKAH teknologi IoT memainkan peranan penting dalam persekitaran kerja?

- DENN, Rompin.

KONSEP dalam teknologi *Internet of Things* atau IoT adalah satu konsep yang melibatkan banyak jenis peralatan, alat atau mesin boleh berkomunikasi antara satu sama lain dengan adanya komponen sensor dan capaian Internet pada alat tersebut. Kebanyakan peralatan elektronik dan elektrik seperti peti sejuk, televisyen dan sebagainya mempunyai sambungan ke Internet dan akan memaklumkan apa-apa maklumat ke telefon pintar si empunya barang tersebut.

Seterusnya dibincangkan beberapa perkara yang menarik perhatian dalam teknologi IoT memberi peranan kepada persekitaran kerja.

1. Terdapat banyak aktiviti yang berlaku di tempat kerja pada setiap hari seperti orang memasuki bangunan, orang mendapatkan sarapan, berbual, mengadakan mesyuarat atau pulang ke rumah setelah tamat masa bekerja. Jadi, dengan banyaknya aktiviti yang berlaku ketika waktu bekerja dapat dianalisis corak dan gayanya. Seterusnya sesuatu perkara boleh dipelajari untuk meningkatkan produktiviti sesebuah syarikat. Jadi, teknologi IoT boleh berperanan untuk mengesan dan menganalisis kesemua aktiviti ini seperti memasukkan teknologi ini ke dalam sistem pencahayaan atau lampu bagi sesebuah syarikat.

2. Teknologi IoT dengan bantuan Internet dan teknologi pengkomputeran awanan dapat digunakan untuk mengawal dan memantau keadaan sesuatu tempat kerja terutama yang kritikal seperti loji, pelantar kuasa, bahagian pengeluaran dan sebagainya secara jarak jauh seperti menerusi telefon bimbit dan lain-lain.

Sebagai contoh sekiranya suatu tempat itu tiada orang, dengan teknologi IoT berupaya secara automatik memadam lampu di kawasan itu secara automatik sekiranya perlu dan lain-lain.

3. Teknologi IoT ini juga berupaya mengumpul banyak data daripada pelbagai sumber yang jauh dan menghantarnya kepada pekerja yang betul.

4. Dengan teknologi IoT, lebih banyak kerja boleh dilakukan dari jarak jauh. Pekerja boleh melakukan apa-apa kerja di rumah atau ketika dalam perjalanan.

Terdapat kelebihan teknologi IoT ini kepada sekumpulan pekerja yang bekerja dalam satu projek secara berkumpulan, berbincang dan menguji pelbagai aspek secara kerjasama dan kreatif.

Cabarannya yang dihadapi adalah untuk menyambung segala-galanya tanpa kehilangan interaksi alami sesama manusia dalam sesuatu projek.